

نور

aktif • yakin • anggun

JANUARI 2007
PP11897/4/2007
HARGA RM5.90

www.karangkraf.com/nur



FINALIS 10
Baizurah

SELAMAT DATANG 2007

Berani Menghadapi Masa Depan

Kemesraan Makin Hilang?

14 RAHSIA KEKAL HARMONI

FOKUS ISTIMEWA

DUIT SUAMI ATAU ISTERI...

Wanita Kerjaya Jadi Mangsa?

- Fahami 4 Rukun Usrah
- Isteri Pelengkap Bukan Pesaing
- Wajarkah Ada 'Akaun Rahsia'?

INA NAIM

Serasi Jadi
MUSLIMAH KERJAYA

Menukar
MALANG
Menjadi
TUAH!

Kuiz Promosi
MENANGI

40
SET SAFI
RANIA

UNTUK
MUSLIMAH
BERKERJAYA

ISSN 1675-3429



9 771675 342023



DARI PEJABAT
KE PEJABAT

Membawa Masuk Keindahan TRADISIONAL KONTEMPORARI



Pejabat urusan Almaz Architect Sdn Bhd yang terletak di bahagian atas deretan bangunan rumah kedai kelihatan biasa sahaja jika dilihat dari luar. Namun sebaik melangkah masuk ke dalam pejabat yang ditubuhkan sejak 1 Julai 1994 ini, pandangan penulis terpesona melihat konsep hiasan dalamnya.

•Oleh HASNITA SAWAL •Foto AHMAD JOHANIF AZMAN



Ruang lobi

umpama ruang tamu sebuah kediaman. Pemilihan material kayu kemas sebagai kemasan lantai menerbitkan cita rasa tinggi si pemilik. Sekali lagi penggunaan kaca berbingkai ditonjolkan bagi menggandakan keluasan ruang.



Letakan sofa polos putih gading

berhampiran pintu masuk bilik Prinsipal berjaya membentuk perspektif ruang yang luas.

Sebagai pakar dalam perniagaan perkhidmatan seni bina, Almaz Architect yang dimiliki oleh Puan Almaz Rahim memiliki 16 orang kakitangan yang terdiri daripada arkitek, pelukis pelan dan pentadbiran. Antara projek binaan yang dikendalikan oleh Almaz Architect termasuk bangunan Kementerian Pertanian Wisma Tani, projek perumahan di Bandar Sungai Buaya, TTDI Hills,



IDEA MENARIK!



Pencahayaan

yang terhasil daripada lampu siling yang model dan ringkas menyeimbangkan keseluruhan penampilan ruang lobi ini.



Paling menarik

sudah pasti pada pilihan karpet yang indah sebagai hiasan dinding yang tampak serasi dengan sofa, yang akhirnya membolehkan pandangan apabila melangkah pinggul di kawasan ini.



Tumbuhan orkid putih

yang ditanam dalam pasu dan diletakkan sebagai hiasan di sebelah dinding yang berwarna kuning polos. Elemen hiasan ini menyuntik kehijauan dan kesegaran dalam bilik ini.



Keunikan bilik mesyuarat

di pejabat Almaz Architect ditonjolkan menerusi konsep tradisional kontemporari. Elemen kayu digunakan dengan maksimum pada bilik ini dapat diperhatikan pada pemilihan meja dan kerusi serta bingkai kaca di dinding dan tingkap.



Paling menarik Bilik ini menggunakan kaca berbingkai

yang menonjolkan konsep terbuka. Tujuannya untuk memperbanyakkan cahaya masuk dan meluaskan pandangan. Pemilihan kaca yang kalis bunyi ini membantu menghindarkan bilik tampak sempit dan sesak.

banglo Mutiara Damansara, Alam Damai, Bandar Kinrara, Precint 14 Putrajaya, Glenmarie Shah Alam dan baryak lagi.

Pemiliknya mempunyai kecintaan yang tinggi terhadap ciri-ciri tradisional dan telah menerapkan idea tersebut dalam konsep hiasan dalaman pejabat Almaz Architect. Namun ia digabungkan dengan sentuhan moden kontemporari agar dapat menyuntik kesegaran dan ketenangan tersendiri. Oleh sebab pejabat agak terhad dan cahaya sukar masuk, maka penggunaan cermin dan kaca berbingkai dikatakan dapat memperluaskan ruang dengan mainan ilusi sesiapa yang memandangi.

Imej kontemporari

ketara ditonjolkan dengan pilihan panel kayu potongan ringkas pada dinding. Letakan lukisan berbingkai kayu yang disusun di atas panel tersebut menambahkan lagi gaya eksklusif.

Laluan utama ini diindahkan

dengan pemilihan komisan lantai daripada "palmanan stone". Susunan batu-batu di sisi laluan secara tidak langsung membentuk titik tumpu pada laluan ini.





<
Bilik yang terletak bersebelahan ruang lobi dijadikan sebagai pusat sumber.

Bagi mengelakkan sebuah bilik tertutup yang sempit dan menyakikan, penggunaan kaca dan cermin pada pemilihan almari buku serta kaca berbingkai menggantikan dinding dapat memperluaskan keadaan kerana ia seolah-olah bermain dengan ilusi.



>
Penggunaan kaca berbingkai menampakkan pandangan dari pusat sumber begitu luas.



<
Paling menarik Idea kemasan dinding ruang penghubung antara bilik mesyuarat dengan ruang lobi memberikan impak tersendiri. Tampilan "palimanan stone" jelas menyuntik imej tropikal kontemporari.